

# DEXASONE ELIXIR

Dexamethasone (0.5mg / 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dexasone Elixir
2. Bagaimana Dexasone Elixir berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexasone Elixir
4. Cara menggunakan Dexasone Elixir
5. Semasa menggunakan Dexasone Elixir
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexasone Elixir
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dexasone Elixir

Ia digunakan untuk kekurangan adrenokortikal (hormon kortisol) primer atau sekunder, penyakit reumatik (melibatkan otot, tendon, sendi dan tulang), penyakit kolagen (*systemic lupus erythematosus*), penyakit kulit (*pemphigus*, psoriasis yang teruk, dermatitis seborrheic teruk), asma bronkial, penyakit mata (radang mata, herpes zoster *ophthalmicus*, konjunktivitis alahan), gangguan darah, penyakit kanker (leukemia), keadaan bengkak dan penyakit gastrousus.

## Bagaimana Dexasone Elixir berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Dexamethasone. Ia mempunyai keupayaan untuk mencegah atau menyekat pembentukan haba, kemerahan, bengkak dan kegatalan tempatan di mana keradangan bleh dikesan pada peringkat awal melalui mata kasar. Pada peringkat mikroskopik, ia bukan sahaja boleh menghalang keradangan awal tetapi manifestasi yang berlaku kemudian.

Glucocorticoid yang wujud secara semula-jadi yang juga mempunyai ciri-ciri pengekalan garam, digunakan sebagai terapi penggantian ketika keadaan kekurangan adrenocortical (hormon). Analog sintetik termasuk dexamethasone banyak digunakan terutamanya untuk kesan anti-radang yang poten dalam gangguan sistem organ. Glukokortikoid boleh menyebabkan pelbagai kesan metabolik. Ia boleh mengubah tindak balas imunisasi badan seseorang.

## Sebelum menggunakan Dexasone Elixir

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dexasone Elixir jika: -

- anda mempunyai jangkitan kulat sistemik.
- anda mempunyai Hipersensitiviti kepada dexamethasone atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- anda disuntik dengan vaksin virus hidup

### - Sebelum menggunakan Dexasone Elixir

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:-

- mempunyai kegagalan jantung kongestif
- mempunyai kencing manis
- mempunyai masalah buah pinggang kronik
- mempunyai tekanan darah tinggi
- baru selepas pembedahan usus
- mempunyai penyakit berjangkit
- mempunyai kelemahan otot
- mempunyai radang mata disebabkan oleh virus herpes simplex
- mempunyai penyakit batuk kering
- mempunyai hipotiroidisme (penyakit tiroid kurang aktif)
- warga tua
- pendedahan kepada campak dan cacar air
- sirosis(luka pada hati)

Kortikosteroid boleh menutup beberapa tandanya jangkitan, dan jangkitan baru mungkin muncul semasa penggunaannya.

Penggunaan kortikosteroid yang berpanjangan boleh menghasilkan katarak (kekaburuan kanta mata) dan glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata) dengan kerosakan pada saraf mata, dan mungkin meningkatkan risiko jangkitan mata sekunder disebabkan oleh kulat atau virus.

## *Mengandung dan penyusuan bayi*

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Ia tidak digalakkan untuk wanita hamil dan ibu menyusu kecuali manfaat yang dijangka melebihi potensi risiko. Kortikosteroid boleh didapati dalam susu ibu dan boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan Dexasone Elixir. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil seperti berikut: -

- Aspirin, rawatan untuk sakit dan keradangan
- Phentyoin dan phenobarbital, rawatan untuk sawan
- Ephedrine, untuk asma
- Rifampicin, rawatan untuk jangkitan bakteria
- Antikoagulan coumarin (rawatan untuk cairkan darah)
- Diuretic, sebagai tablet air

## Cara menggunakan Dexasone Elixir

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Dexasone Elixir dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

Pengambilan dos berbeza berdasarkan pada jenis penyakit dan tidak balas seseorang individu. Disyorkan pengambilan dari 5ml hingga 90ml setiap hari dalam dos terbahagi.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan Dexasone Elixir apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Dexasone Elixir dalam tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya dan abaikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

**- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan Dexasone Elixir****- Perkara yang perlu dilakukan**

- Ambil ubat anda seperti doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Dexasone Elixir.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

**-Perkara yang tidak perlu dilakukan**

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda kerana pemberhentian kortikosteroid yang terlalu cepat boleh menyebabkan kekurangan adrenokortikal dan boleh dikurangkan dengan pengurangan dos secara beransur-ansur. Yang lain mungkin termasuk demam, sakit, sakit otot dan sendi serta rasa tidak sedap badan.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Dexasone Elixir kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan seperti anda.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperi ubat-ubatan lain, Dexasone Elixir boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan termasuk gangguan cecair dan elektrolit, kelemahan otot, osteoporosis (tulang rapuh), radang pankreas akut, sindrom cushing, terengat pertumbuhan, haid tidak tetap, peningkatan tekanan dalam mata, gangguan penglihatan, tekanan darah tinggi, bengkak, gangguan mental, perubahan setempat dan peningkatan selera makan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada se-setengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers→Reporting )

**Cara penyimpanan dan pelupusan Dexasone Elixir****- Penyimpanan**

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut****- Rupa dan warna produk**

Sirap jernih berwarna kuning dengan perisa nenas.

**-Bahan-bahan kandungan**

- Bahan-bahan aktif
- Setiap 5ml mengandungi 0.5mg dexamethasone

- Bahan- bahan tidak aktif
- Quinoline Yellow 70E
- Pineapple essence
- Syrup Simplex
- Citric acid
- Propyl Gallate
- Propylene Glycol
- Deionised Water
- Glycerine
- Spirit Chloroform

**- Nombor MAL**

MAL19870622A

**Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

22/12/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)301115/00468